# AKTA RAHSIA RASMI 1972
# (AKTA 88)

**PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

# SKOP CERAMAH :

- Pengenalan
- Latar Belakang
- Definisi
- Peruntukan Akta Rahsia Rasmi
- Peruntukan Kesalahan-Kesalahan
- Contoh-Contoh : Kes-Kes Pendakwaan

# PENGENALAN

# AKTA 88

**Suatu Akta bagi meminda dan menyatukan undang-undang berhubung dengan perlindungan rahsia rasmi.**

**[ *1hb Oktober 1972* ]**

# Latar belakang

## Akta Rahsia Rasmi di Malaysia :

- Negeri-negeri Selat ( Official Secret Ordinance Settlement Straits cap 102 )
- Negeri-negeri Bersekutu ( Official Secret Enacment 1920 )
- Negeri-negeri Tidak Bersekutu (OSA 1939 )
- Negeri Johor (Official Secret Enacment 1923 )
- Negeri Sabah (Official Secret Ordinance 1921 )
- Negeri Sarawak (Official Secret Ordinance 1939 )

# Latar belakang

## Akta Rahsia Rasmi di Malaysia :

| | | |
|---|---|---|
| 1950 | - | Semua undang-undang berkaitan Rahsia Rasmi (kecuali Sabah dan Sarawak) digabungkan sebagai Official Secret Ordinance 1950. |
| 1972 | - | Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) |

# Latar belakang - Pindaan

**Pindaan 1984**

- Tafsiran Agen Negara Asing
- Penalti Pengintipan
- Peraturan Oleh Menteri

**Pindaan 1986**

- Tafsiran Rahsia Rasmi
- Pengelasan
- Pelantikan Pegawai Awam
- Pengelasan Semula
- Perakuan oleh Penjawat Awam
- Pembelaan yang sedia ada
- Pindaan Peruntukan - Mandatori

# DEFINISI : RAHSIA RASMI

**"rahsia rasmi" ertinya apa-apa suratan yang dinyatakan dalam Jadual dan apa-apa maklumat dan bahan berhubungan dengannya dan termasuklah apa-apa suratan rasmi, maklumat dan bahan lain sebagaimana yang boleh dikelaskan sebagai 'Rahsia Besar', 'Rahsia', 'Sulit' atau 'Terhad', mengikut mana yang berkenaan, oleh seorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri atau mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah Seksyen 2B**

# *JADUAL*

Suratan, rekod keputusan dan pertimbangan **Jemaah Menteri** termasuklah juga suratan, rekod keputusan dan pertimbangan jawatankuasa-jawatankuasa Jemaah Menteri;

Suratan, rekod keputusan dan pertimbangan **MajlisMesyuarat Kerajaan Negeri** termasuklah juga suratan, rekod keputusan dan pertimbangan jawatankuasa-jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;

Suratan berkenaan dengan **keselamatan negara, pertahanan dan perhubungan antarabangsa.**

# Keselamatan Negara

- Apa-apa maklumat yang berkenaan mana-mana agensi atau jabatan yang terlibat dalam operasi atau aktiviti keselamatan negara termasuklah apa-apa perkara yang berhubungan dengan sifat kerjanya yang berselindung, pengekalan keamanan dan keharmonian, pembelian, modus operandi, pengagihan bantuan teknik serta juga maklumat berhubungan dengan kertas-kertas penyiasatan yang serius dan sensitif sifatnya yang jika tidak dilindungi akan menyentuh keamanan negara.

# Pertahanan

a) Saiz, bentuk, susunan, logistik, perintah tempur, pengagihan, operasi, keadaan bersedia & latihan ATM;

b) senjata, stor @ kelengkapan lain & perekaciptaan, pembangunan, pengeluaran dan pengendalian kelengkapan itu serta penyelidikan yg berhubungan dengannya;

c) Dasar dan strategi pertahanan serta perancangan dan perisikan ketenteraan; dan

d) rancangan-rancangan dan langkah-langkah bagi penyenggaraan bekalan dan perkhidmatan penting yang diperlukan atau mungkin diperlukan semasa peperangan.

# Perhubungan Antarabangsa

Hubungan antara negara, antara organisasi antarabangsa atau di antara satu atau lebih negara dgn satu @ lebih organisasi sedemikian dan termasuklah apa-apa perkara yang berhubungan dengan sesuatu negara selain daripada Malaysia @ sesuatu organisasi antarabangsa yang berupaya menyentuh hubungan Malaysia dengan sesuatu negara lain atau dgn sesuatu organisasi antarabangsa.

# Peruntukan Akta Rahsia Rasmi

## Seksyen 2A – Menambah, memotong atau meminda Jadual

Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menambah, memotong atau meminda mana-mana peruntukan Jadual kepada Akta ini.

# Peruntukan Akta Rahsia Rasmi

## Seksyen 2B – Perlantikan pegawai untuk mengelaskan suratan rasmi, dsb.

Seseorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri boleh melantik mana-mana pegawai awam melalui suatu perakuan di bawah tandatangannya untuk mengelaskan apa-apa suratan rasmi, maklumat atau bahan sebagai ‘ Rahsia Besar ’, ‘ Rahsia ’, ‘Sulit’ atau bahan sebagai ‘ Rahsia Besar ’, ‘Rahsia’, ‘ Sulit ’ atau ‘ Terhad ’, mengikut mana yang berkenaan.

CONTOH

PERDANA MENTERI
MALAYSIA

# AKTA RAHSIA RASMI 1972

## PERLANTIKAN DI BAWAH SEKSYEN 2B

**Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 2B Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88), saya Najib bin Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dengan ini melantik**

***Dato' Haji Johari bin Haji Jamaluddin***
***Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan***
***Jabatan Perdana Menteri***

**seorang pegawai awam untuk mengelaskan apa-apa suratan rasmi, maklumat atau bahan sebagai "Rahsia Besar", "Rahsia", "Sulit" atau "Terhad".**

**(NAJIB BIN ABDUL RAZAK)**
**PERDANA MENTERI MALAYSIA**

**Bertarikh: 21 MEI 2009**
**PM (R) 10308/3**

CONTOH

# Peruntukan Akta Rahsia Rasmi

## Seksyen 2C – Pengelasan semula rahsia rasmi oleh Menteri atau pegawai awam.

**Seseorang Menteri atau pegawai awam yang dipertanggungkan dengan apa-apa tanggungjawab terhadap mana-mana Kementerian, jabatan atau mana-mana perkhidmatan awam atau Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri atau ketua pegawai yang menjaga hal-ehwal pentadbiran sesuatu Negeri boleh, pada bila-bila masa, mengelaskan semula apa-apa suratan yang di nyatakan dalam Jadual atau apa-apa suratan rasmi, maklumat atau bahan sebagaimana yang telah dikelaskan dan selepas pengelasan semula itu, suratan, maklumat atau bahan tersebut hendaklah terhenti menjadi rahsia rasmi.**

# Peruntukan Kesalahan

## Seksyen 3 – Penalti bagi Pengintipan

**Jika, bagi apa-apa maksud yang mudarat kepada keselamatan atau kepentingan Malaysia, seseorang :**

- **menghampiri, memeriksa, melalui atau berada disekitar atau memasuki sesuatu tempat larangan**
- **membuat sesuatu suratan yang dikira menjadi atau yg mungkin atau yg dimaksudkan menjadi berguna secara langsung atau secara tak langsung kepada sesuatu negeri asing**
- **mendapatkan, mengumpul, merakam, menyiar atau menyampaikan kepada seseorang lain sesuatu perkataan kod, isyarat timbal, atau kata jodoh rasmi yang rahsia, atau apa-apa benda, suratan atau maklumat yg dikira menjadi atau yg mungkin menjadi berguna secara langsung atau tak langsung kepada sesuatu negeri asing,**

**Maka orang itu adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan *penjara seumur hidup.***



3 pegawai Kedutaan Soviet diusir keluar 24 jam dari negara ini

# SIDDIQ AGEN KGB DITANGKAP

# Seksyen 4 (1) – Larangan mengambil atau membuat apa-apa suratan, ukuran, ukuran dalam atau kerja ukur mengenai atau dalam sesuatu tempat larangan

**Larangan mengambil atau membuat apa-apa suratan, ukuran, ukuran dalam atau kerja ukur mengenai atau dalam sesuatu tempat larangan adalah suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara selama tempoh tidak kurang daripada *satu tahun tetapi tidak lebih daripada empat belas tahun.***

# Seksyen 7A - *Kewajipan melapor permintaan bagi maklumat dll.*

**Seseorang yang dengan apa juga cara dihampiri oleh mana-mana orang lain secara langsung atau secara tak langsung bagi mendapatkan untuk atau membekalkan kepada orang lain itu sesuatu rahsia rasmi atau sesuatu perkataan kod, isyarat timbal atau kata jodoh yang rasmi yang –**

a. **berhubungan dengan sesuatu tempat larangan…**
b. **berhubungan dengan kelengkapan perang dan….**
c. **telah dibuat atau didapatkan bersalahan dgn Akta ini, atau**
d. **telah diamanahkan sebagai rahsia kepadanya ….**
e. **dibuat atau didapati, atau dia mempunyai ekses …**

**selain dari menjalankan tugasnya, hendaklah dengan serta merta melaporkan perhubungan itu kepada pegawai polis yg berpangkat Inspektor atau ke atas, *jika pegawai awam adalah mencukupi melaporkan secara bertulis kpd ketua jabatan* ….**

**Suatu kesalahan yang boleh di hukum dengan *penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada lima tahun.***

# Seksyen 7B – *Meletakkan diri ke dalam kepercayaan agen negara asing.*

**Seseorang yang melakukan apa-apa perbuatan supaya meletakkan atau mungkin meletakkan dirinya dalam kepercayaan mana-mana agen negara asing adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan *penjara* selama tempoh tidak kurang *daripada* *satu tahun tetapi tidak lebih daripada lima tahun.***

# Seksyen 8(1) – Menyampaikan rahsia rasmi dengan salah

- menyampaikan,
- menggunakan,
- menyimpan dalam milik
- tidak menjaga rahsia rasmi dengan cara yang berpatutan, atau
- bertingkah laku sehingga membahayakan keselamatan sesuatu rahsia rasmi

***Penjara tidak kurang daripada 1 tahun tetapi tidak lebih daripada 7 tahun***

# Seksyen 9(2) Jika, bagi apa-apa maksud yang mudarat kepada keselamatan atau kepentingan Malaysia, seseorang

- menyimpan suratan rasmi.....
- membenarkan seseorang lain memiliki ....
- tidak memulangkannya....
- ada dalam miliknya sesuatu anak kunci...
- dengan diketahui membuat pernyataan palsu

adalah suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan *penjara selama* ***tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada tujuh tahun.***

# Seksyen 11- Kewajipan memberi maklumat diminta oleh :-

- Pegawai Polis berpangkat lebih tinggi daripada Inspektor;
- Anggota angkatan tentera;
- Pegawai awam yang diberi kuasa oleh Menteri

**Apabila seseorang tidak memberi maklumat yang diminta ia adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara selama tempoh tidak kurang daripada *satu tahun tetapi tidak lebih daripada tujuh tahun.***

## Seksyen 13(1) - Melindung

**Seorang yang mengetahui atau ada alasan yang munasabah bagi mensyaki seorang lain hampir hendak melakukan atau telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta -**

- **melindungi orang lain itu; atau**
- **membenarkan orang lain itu bertemu atau berhimpun dimana-mana premis yg didudukinya ...**

***Penjara selama tempoh tidak kurang daripada 1 tahun tetapi tidak lebih daripada 7 tahun.***

# Seksyen 13 ( 2 ) - Melindung

**Jika seseorang tidak menzahirkan apabila diminta maklumat tentang Seksyen 13 (1) maka ia adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara tidak lebih daripada *7 tahun atau denda tidak lebih RM10,000 atau penjara dan denda itu kedua-duanya.***

# SEKSYEN 14 - Percubaan, pengapian dsb.

**Jika seseorang -**

- mencuba melakukan sesuatu kesalahan
- mengajak-ajak atau mengapikan atau berusaha memujuk atau bermuafakat...
- membantu / menyubahati / melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan ...

**maka ia boleh dikenakan hukuman-hukuman yang sama, dan diambil tindakan dengan cara yang sama seolah-olah ia telah melakukan kesalahan itu.**

## Seksyen 16A- Perakuan oleh pegawai awam menjadi keterangan yang konklusif.

**Suatu perakuan oleh seorang ketua pentadbiran awam bagi mana-mana perkhidmatan awam...... atau oleh ketua pegawai yang menjaga hal-ehwal pentadbiran sesuatu Negeri yang memperakukan sesuatu suratan rasmi, maklumat atau bahan dengan menyatakan yang ianya suatu rahsia rasmi hendaklah menjadi keterangan yang konklusif bahawa suratan, maklumat atau bahan itu adalah suatu rahsia rasmi dan tidaklah boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah atas apa-apa jua alasan**

# Seksyen 17A - Pembelaan sedia ada kepada pegawai awam

**Mana-mana orang yang dipertuduh dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini tidaklah boleh disabitkan jika dia membuktikan yang dia melakukan mana-mana perkara itu dalam menjalankan tugas rasminya atau dengan kuasa sepatutnya.**

## Seksyen 30A - Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan maksud Akta ini.

a) menetapkan cara mengelaskan maklumat, suratan dan bahan-bahan lain;

b) menetapkan prosedur bagi pengendalian, penyimpanan dan penghantaran suratan rahsia rasmi dan maklumat-maklumat lain;

c) menetapkan cara melupuskan suratan rasmi yang dibuang;

d) menetapkan cara penyampaian maklumat rasmi;

e) menetapkan semua perkara lain yang perlu bagi melindungi keselamatan atau kerahsiaan mana-mana maklumat atau benda;

f) membuat peruntukan mengenai kesalahan dan penalti-penalti tidak melebihi denda sebanyak lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun kerana melanggar mana-mana peruntukan peraturan-peraturan; dan

g) membuat peruntukan mengenai hal mengkompaun mana-mana kesalahan seperti itu.

# Contoh Kes Pendakwaan :

## Personaliti yang disabitkan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972

# Contoh Kes : Personaliti yang disabitkan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972

| Nama | Perkara | Tuduhan |
|---|---|---|
| 1. Y.B Lim Kit Siang | tender untuk membeli “Fast Strike Craft for RMN’ | 5 |
| 2. Y.B Dato’ Hj. Dzulkifli bin Datuk Hamid (bekas Naib Presiden USNO) | Dasar Kerajaan Negeri mengenai ‘Philipines Refugees” dlm NST<br>9 Jan. 1978 | 4 |
| 3. P. Patto (DAP) | menerbitkan maklumat berkenaan tender utk membeli ‘Fast Strike Craft for RMN di akhbar Rocket bertajuk “Corruption in Navy $ 166 million Navy Scandle<br>25 Mei 1981 | 1 |

# Contoh Kes : Personaliti yang disabitkan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972

| Nama | Perkara | Tuduhan |
|---|---|---|
| 4. James Clovis Clad<br>Ketua Biro 'Far Eastern Economic Review in K.L | Laporan Kabinet " A managed and controlled relationship with the Peoples Republic Of China". 14 Okt. 1985 | 2 |
| 5. Sabry Sharif<br>Wartawan akhbar NST | Kajian Struktur Kekuatan TUDM 1984. 24 Jan. 1986 | 1 |
| 6. Phang Ah Hee<br>(Bekas Timbalan Pendakwaraya) | memiliki salinan photostat<br>- IGPSO<br>- Ampang Police Investigation Paper No. 139/85<br>- Sentul Police Investigation Paper No. 1146/86<br>Okt. 1986 | 3 |

# Contoh Kes : Personaliti yang disabitkan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972

| Nama | Perkara | Tuduhan |
|---|---|---|
| 7. H.M Hazle b Piee<br>PAR Kem. Perdagangan | Kertas soalan B. Malaysia I & II Peperiksaan SPM 1989 (26 Okt. 1986) | 2 |
| 8. Ainor Rashid Abd. Karim<br>PAR Jabatan Pendidikan Shah Alam | Kertas soalan B. Malaysia I & II Peperiksan SPM 1989 (26 Okt. 1989) | 2 |
| 9. Ezam Noor | Memiliki maklumat rahsia dan mendedahkan kepada pemberita pada 06 Nov 1999. *(dibebaskan dari pertuduhan pd 15 Apr 2003)* | 1 |






KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**KENYATAAN AKHBAR LEMBAGA PEPERIKSAAN**

**PENANGGUHAN UJIAN MATA PELAJARAN BAHASA INGGERIS**

**UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH (UPSR) TAHUN 2014**

Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Peperiksaan (LP), Kementerian Pendidikan Malaysia telah menerima laporan bahawa Kertas Peperiksaan Bahasa Inggeris 014/1 dan Bahasa Inggeris 014/2 bagi Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2014 yang dijadualkan berlangsung pada tarikh 11 September 2014 telah didapati bocor. Lembaga Peperiksaan telah menjalankan siasatan dan mendapati perkara ini adalah benar.

**Soalan UPSR Bocor**

Sehubungan dengan ini, Lembaga Peperiksaan memaklumkan bahawa kertas peperiksaan Bahasa Inggeris 014/1 dan Bahasa Inggeris 014/2 bagi UPSR tahun 2014 yang dijadualkan pada 11 September 2014 adalah **DIBATALKAN**. Tarikh baharu bagi peperiksaan Bahasa Inggeris 014/1 dan Bahasa Inggeris 014/2 adalah pada 30 September 2014 bersekali dengan *Science* 018, 028 dan 038.

Dengan perkembangan terbaharu ini, LP akan membuat siasatan atas semua dakwaan kebocoran kertas peperiksaan. Ini adalah bagi memastikan kepercayaan umum terhadap kesahan dan kebolehpercayaan keputusan yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan tidak terjejas. LP akan bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk mengenalpasti pihak yang bertanggung jawab dan seterusnya membawa mereka ke muka pengadilan.

Untuk mendapatkan maklumat yang tepat berhubung peperiksaan UPSR 2014, sila layari portal Lembaga Peperiksaan di alamat www.moe.gov.my/lp



SOALAN UPSR BOCOR

# PETUNJUK DARI JOHOR

// SIASATAN POLIS TERTUMPU KEPADA GURU DI JOHOR yang pertama mengesan kebocoran menerusi WhatsApp sebelum peperiksaan bermula

BERITA MUKA 6

// DUA PEGAWAI LEMBAGA PEPERIKSAAN dipanggil untuk rakam keterangan berhubung kebocoran soalan Sains

TPM MARAH. TAK TOLAK PERBUATAN SABOTAJ. ARAH SIASAT HINGGA KE AKAR UMBI

NASIONAL 6

SUBJEK BI I DAN II, SAINS DIADAKAN PADA HARI SAMA 30 SEPTEMBER BERITA MUKA 6

DISYAKI BERLAKU SEBELUM KERTAS SOALAN TIBA DI SEKOLAH BERITA MUKA 7

AKAUNTABILITI, INTEGRITI PENJAWAT AWAM JADI TARUHAN RENCANA 35



## Dua guru didakwa di Mahkamah berasingan

**Diterbitkan pada**: Februari 6, 2016 11:48 (MYT) | **Durasi**: 2 min, 15 saat



Susulan kes kertas soalan UPSR 2014 bocor. Dua guru didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar atas empat pertuduhan memiliki kertas soalan bocor Sains dan Matematik ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2014. Penolong Kanan Pentadbiran Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Keruh di Pengkalan Hulu, K Anparasu, 50, didakwa dengan tiga pertuduhan manakala P Uma Mageswari, 27 tahun didakwa dengan satu pertuduhan.

# Lampiran D Arahan Keselamatan




TERHAD

LAMPIRAN 'D'

**PERAKUAN UNTUK DITANDATANGANI OLEH PENJAWAT AWAM BERKENAAN DENGAN AKTA RAHSIA RASMI 1972**

Adalah saya dengan ini mengaku bahawa perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan bahawa saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan dalam Akta itu. Khususnya saya faham bahawa menyampaikan, menggunakan atau menyimpan dengan salah, sesuatu benda rahsia, tidak menjaga dengan cara yang berpatutan sesuatu rahsia atau apa-apa tingkahlaku yang membahayakan keselamatan atau rahsia sesuatu benda rahsia adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta tersebut, yang boleh dihukum maksimum penjara seumur hidup.

Saya faham bahawa segala maklumat rasmi yang saya perolehi dalam perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau perkhidmatan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia, adalah milik Kerajaan dan tidak akan membocorkan, menyiarkan, atau menyampaikan, sama ada secara lisan atau dengan bertulis, kepada sesiapa jua dalam apa-apa bentuk, kecuali pada masa menjalankan kewajipan-kewajipan rasmi saya, sama ada dalam masa atau selepas perkhidmatan saya dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau dengan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia dengan tidak terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis pihak berkuasa yang berkenaan. Saya berjanji dan mengaku akan menandatangani suatu akuan selanjutnya bagi maksud ini apabila meninggalkan Perkhidmatan Kerajaan.

Tandatangan : ........................................

Nama dengan huruf besar : ........................................

No. Kad Pengenalan : ........................................

Jawatan : ........................................

Jabatan : ........................................

Tarikh : ........................................

Disaksikan oleh : ........................................

Nama dengan huruf besar : ........................................

No. Kad Pengenalan : ........................................

Jawatan : ........................................

Jabatan : ........................................

# Lampiran E Arahan Keselamatan

T E R H A D

LAMPIRAN 'E'

**PERAKUAN UNTUK DITANDATANGANI APABILA MENINGGALKAN PERKHIDMATAN KERAJAAN**

Perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan dalam Akta itu. Khususnya saya faham bahawa menyampaikan, menggunakan atau menyimpan dengan salah, sesuatu benda rahsia, tidak menjaga dengan cara yang berpatutan sesuatu rahsia atau apa-apa tingkahlaku yang membahayakan keselamatan atau rahsia sesuatu benda rahsia adalah menjadi sesuatu kesalahan di bawah Akta tersebut, yang boleh dihukum maksimum penjara seumur hidup.

Semua maklumat yang telah saya dapat atau lihat masa menjalankan kewajipan-kewajipan saya adalah diliputi oleh Akta tersebut. Adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta tersebut bagi saya menyampaikan dengan tiada kebenaran apa-apa maklumat itu kepada mana-mana orang lain, sama ada tidak orang itu memegang atau telah memegang jawatan di bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong atau di bawah mana-mana Kerajaan Malaysia, sebelum dan selepas saya berhenti memegang jawatan itu.

Apa-apa tingkahlaku saya yang membahayakan keselamatan atau rahsia sesuatu maklumat atau apa-apa sebutan saya dengan tiada kebenaran sama ada sebutan itu secara lisan atau terkandung dalam apa-apa gambarfoto, filem, negatif, pita rakam, peta, pelan, model, graf, lukisan, piringhitam, runut bunyi, benda, atau lain-lain alat dsb., dan sama ada di Malaysia atau di negara luar mengenai apa-apa perkara yang telah saya ketahui atau sifat rasmi saya itu boleh menyebabkan saya didakwa di bawah Akta tersebut.

Saya mengaku bahawa tidak lagi ada dalam milik saya atau kawalan saya apa-apa perkataan kod rasmi, isyaratimbal, atau katajodoh rasmi yang rahsia, atau apa-apa benda, suratan atau maklumat, anak kunci, lencana, alat meteri, atau cap bagi atau yang dipunyai, atau diguna, dibuat atau diadakan oleh mana-mana Jabatan Kerajaan atau oleh mana-mana pihak berkuasa diplomat yang dilantik oleh atau yang bertindak di bawah kuasa Kerajaan Malaysia atau Seri Paduka Baginda yang tidak dibenarkan dalam milik atau kawalan saya.

Tandatangan : ....................................................................

Nama dengan Huruf Besar : ____________________

No. Kad Pengenalan : ____________________

Jawatan : ____________________

Jabatan : ____________________

Tarikh : ____________



# RAHSIAKAN RAHSIA NEGARA

# Terima Kasih

**Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia**
**Jabatan Perdana Menteri**
**Aras -1, 1 & 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan**
**62502 Putrajaya.**

**Tel : 03 – 8872 6000**
**Faks : 03 – 88883258**
**www.cgso.gov.my**